

## HANG TUAH TIDAK BAHAGIA? MENCARI KEBAHAGIAAN DALAM DIRI WIRA MELAYU

**Rahimah Hamdan**  
Universiti Putra Malaysia

### **Abstrak**

Makalah ini menjelaskan nilai kebahagiaan yang dikecapi oleh wira Melayu Hang Tuah sebagai pahlawan tersohor Empayar Melaka pada abad ke-15. Sebagai wira Melayu, Hang Tuah dikagumi akan kebijaksanaan, kehebatan dan kekuatannya. Beliau merupakan lambang manusia Melayu yang ideal terutama dalam menjelaskan ketaatan yang tidak berbelah bahagi kepada raja. Keperwiraan dan kebesaran beliau sebagai Laksamana Melaka terbukti apabila beliau mampu mengangkat martabat Melaka sehingga tersohor ke seluruh dunia. Namun sesuatu yang kontradik berlaku, apabila Hang Tuah pada akhir hayatnya sanggup melupakan kemasyhuran sebagai Laksamana Melaka apatah lagi meninggalkan raja yang amat ditaatinya demi mengejar kebahagiaan hakiki yang diimpikan iaitu kebahagiaan mengenal dan mencintai Penciptanya. Tindakan Hang Tuah ini telah memberi kesan yang sangat hebat kepada raja Melaka sehingga baginda juga turut turun dari takhta dan mengikuti jejak Hang Tuah. Keadaan ini memperlihatkan seolah-olah Hang Tuah tidak memperolehi kebahagiaan dan kepuasan dalam hidupnya. Bertitik-tolak daripada hipotesis ini, dapatlah dikatakan bahawa Hang Tuah hanya menemui kebahagiaan psikologikal dan bukan spiritual dalam hidupnya. Maka, objektif makalah ini adalah untuk mengenalpasti kebahagiaan yang ditemui dan dicari oleh wira Hang Tuah dalam teks *Hikayat Hang Tuah* susunan Kassim Ahmad (1997) serta menghuraikan ‘kebahagiaan’ tersebut berteraskan perspektif kebahagiaan Islam menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993). Dapatan kajian membuktikan bahawa Hang Tuah tidak menemui keseimbangan dalam pencarian kebahagiaan (*sa'adah*) duniaawi dan akhirat. Maka tidak hairanlah jika wira tersohor ini pada akhir hayatnya ditemui menjalani kehidupan sebagai ketua puak orang asli (sakai) yang menduduki strata terbawah masyarakat jauh daripada sebarang pembangunan dunia dan akhirat.

**Kata Kunci:** *Wira, kebahagiaan, Melayu, psikologikal, spiritual*

## **HANG TUAH IS NOT CONTENTED? FINDING CONTENTMENT IN MALAY HERO**

### ***Abstract***

*This paper discusses the value of the happiness enjoyed by a Malay hero, Hang Tuah, the famous 15th century warrior of the Melaka Empire. As a Malay hero, Hang Tuah was admired for his wisdom, prowess and strength. He was the epitome of the ideal Malay to his people, especially in his undivided devotion to the King of Melaka. His heroism and greatness as the Admiral of Melaka was evident when he was able to promote the reputation of Melaka, making it famous throughout the world. However, towards the end of his life, he was willing to forgo his fame as the Admiral of Melaka and abandon the king, to whom he owed his loyalty, in pursuit of his dream of genuine happiness in knowing and loving his Creator. Hang Tuah’s action had a very great impact on the king of Melaka, until he also stepped down from the throne to follow after the action of Hang Tuah. It can be said that the absence of Hang Tuah to lead the attack against the Portuguese invasion in 1511 was the cause of the immense destruction of this Malay empire. One hypothesis that can be advanced is that the loss of Hang Tuah was most likely caused by an unbalanced happiness that led to his dissatisfaction with his life as the Admiral of Melaka. Based on this hypothesis, it can be suggested that Hang Tuah only possessed psychological rather than spiritual happiness during his time of service to the king of Melaka. Thus, a textual analysis of Hikayat Hang Tuah, as maintained by the renowned Malay scholar, Kassim Ahmad, will be conducted to identify the value of Hang Tuah’s happiness based on the perspective of Syed Muhammad Naquib al-Attas. The findings of this study indicate that Hang Tuah did not find a balance between the temporal and the hereafter in his search for happiness (sa'adah).*

**Keywords:** *Hero, happiness, Malay, psychological, spiritual*

### **PENGENALAN**

Nilai kebahagiaan yang dikecapi oleh setiap manusia berbeza dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti ruang geografi, budaya dan agama (Joshanloo 2012). Bagi seorang pahlawan yang hidup pada zaman tradisional seperti Hang Tuah, kebahagiaan menurutnya perlu seiring dengan pandangan dunia (world view), ufuk harapan (horizon of expectation), nilai dan pemikiran sebagai seorang Melayu pada zaman tradisional (sekitar abad 14 hingga 15 Masihi). Ketaatan kepada raja merupakan elemen terpenting dalam hidup seorang manusia Melayu. Raja yang memerintah dianggap sebagai ‘jelmaan Tuhan’ dan ‘Khalifah Allah swt’ di dunia yang akhirnya mengabsahkan konsep daulat, tulah dan derhaka dalam perhubungan raja dan rakyatnya. Konsep ketaatan ini amat jelas ditunjukkan oleh wira Melayu Hang Tuah dalam karya epik Hikayat Hang Tuah (1997) yang secara

terang-terangan dimulakan dengan frasa, “[..]. Inilah Hikayat Hang Tuah yang amat setiawan pada tuannya dan terlalu sangat berbuat kebaktian kepada tuannya” (Hikayat Hang Tuah 1997:1). Secara tidak langsung mukadimah karya epik ini menggambarkan erti kebahagiaan bagi seorang wira Melayu adalah mencurahkan segala taatsetia dan baktinya hanya kepada raja yang memerintah.

Beberapa sarjana tempatan dan luar negara memperakui kehebatan taat setia, dan kepahlawanan Hang Tuah sehingga tokoh ini layak dinobatkan sebagai ‘ikon ideal’ masyarakatnya (Teeuw 1965; Ismail Hamid 1983; Muhammad Hj.Salleh 1983; Shaharuddin Maaruf 1984; Braginsky 1990; M.Khalid Taib 1993 dan Farish Noor 2009). Ironinya, meneliti *Hikayat Hang Tuah* mendapati bahawa taat setia yang ditunjukkan oleh Hang Tuah tidak sampai ke penghujung usianya tetapi terhenti pada saat genting Melaka amat memerlukan kebaktian wira Melayu tersebut. Akibatnya, Melaka menghadapi serangan Portugis pada tahun 1511 Masihi tanpa sokongan dan penglibatan wira Hang Tuah seperti yang diharapkan. Wira Melayu ini ‘menghilang’ pada saat negara kota amat memerlukannya. Hipotesis terhadap fenomena ini adalah Hang Tuah tidak menemui kebahagiaan hakiki dalam hidupnya walau beliau pernah mencapai tahap kegemilangan dan kemasyhuran sebagai Laksamana Empayar Melayu Melaka. Sehubungan itulah maka beliau sanggup mengenepikan dan melupakan terus hal dunia demi mencari kebahagiaan hakiki bagi dirinya. Bertitik-tolak dari hipotesis di atas, apakah kebahagiaan yang dicari oleh seorang pahlawan Melayu terbilang seperti Hang Tuah? Apakah beliau menemui kebahagiaan hakiki tersebut? Justeru, objektif makalah ini adalah untuk mengenalpasti kebahagiaan yang ditemui dan dicari oleh wira Hang Tuah dalam karya epik *Hikayat Hang Tuah* serta menghuraikan ‘kebahagiaan’ tersebut berteraskan perspektif kebahagiaan Islam menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993).

### **Kebahagiaan Bagi Seorang Wira Melayu**

‘Wira’ bukannya dilahirkan (seperti manusia biasa) tetapi dibina (daripada satu tradisi yang diwarisi). Ini adalah kerana seorang ‘wira’ mempunyai signifikan tertentu dalam menepati fungsi serta peranan kepada masyarakatnya (Edmonson 1971). Masyarakat Melayu mempunyai pelbagai tokoh wira dalam tradisi bertulisnya seperti *Hikayat Seri Rama*, *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Muhammad Hanafiah*, *Hikayat Saif Dhu'l-Yazan* (atau *Saiful Lizan*), *Hikayat Sama'un* dan *Hikayat Raja Handak* (atau *Khandak*) dan sebagainya. Walau bagaimanapun, satu-satunya wira yang dihasilkan dalam konteks kerajaan Melayu Melaka (kurun ke-15 Masihi) dan sekaligus mewakili kerajaan tersebut adalah wira Hang Tuah yang disampaikan dalam bentuk genre epik (*Hikayat Hang Tuah*) dan kesusasteraan sejarah (*Sulalatus Salatin-Sejarah Melayu*) (Kassim, 1975; M.Khalid Taib 1993). Sulastrin Sutrisno (1983) berpendapat bahawa pengarang yang menyusun *Hikayat Hang Tuah* cuba menampilkan suatu jalinan cerita mengenai seorang tokoh Melayu hasil cantuman pelbagai konvensi dan tradisi Melayu dengan strukturnya

yang tersendiri. Tambahan pula, *Hikayat Hang Tuah* ditulis bukan untuk mempamerkan sejarah pemerintahan raja-raja Melayu, tetapi ingin menonjolkan jati diri Melayu yang lebih unggul daripada manusia lain (Liaw, 1975) sebagaimana pendapat Farish A.Noor (2009:234) mengenai keperluan wira dalam masyarakat bahawa:

*[...] one cannot imagine a nation without a common corpus of legends and lore, a common depository of the collective wishes and aspirations of the community set to poetry or prose. [...] Nations need tales, epics and fables to glue them together, and to give the members of such nations a common compass, a heading, a beacon to follow and admire’.*

Meneliti *Hikayat Hang Tuah* (1997) mendapati banyak episod-episod yang menggambarkan kebesaran dan kehebatan Hang Tuah sebagai wira Melayu sehingga mampu menyemarakkan nama Melaka ke seluruh pelosok dunia. Walau bagaimanapun, amat mengelirukan apabila di sebalik segala kehebatan itu, Hang Tuah mengakhiri perjuangannya sebagai wira Melayu dengan satu tindakan yang sangat *anti-thesis* apabila kerelaan beliau untuk ‘membuang’ dan melupakan terus urusan dunia seperti petikan di bawah:

‘Maka Laksamana pun duduklah di bukit itu dua orang dengan gurunya. Adapun guru Laksamana itu orang peranakan Gujerat; maka ia pergi haji. Turun dari haji maka lalu ia ke Banda Aceh, maka datang ia ke Melaka; maka ia pun bermuridkan Laksamana. Maka tuan syeikh itulah yang bersama-sama dengan Laksamana duduk di Bukit Jugara itu mengerjakan amar Allah siang malam, terlalu keras, **tiadalah lagi Laksamana ingatkan pekerjaan dunia, melainkan syuhudnya pada Allah Taala semata-mata**’(Hikayat Hang Tuah, 1997: 541).

Tindakan Hang Tuah ini dapat diandaikan bahawa seolah-olah beliau tidak menemui kepuasan dan kebahagiaan yang maksimum sepanjang hidup beliau sebagai pahlawan terhebat Melaka. Ini berlawanan dengan kisah wira epik dunia yang lain seperti Gilgamesh (Epik Sumeria), Beowulf (Epik Anglo-Saxon) dan Ramayana (Epik India) [sekadar menyebut beberapa nama] yang akhir hayat mereka ditamatkan dengan kegembiraan atau kematian yang membanggakan sebagai seorang wira. Sebaliknya, Hang Tuah disudahi dengan kekecewaan kepada negara kota Melaka apabila wira harapan sanggup meninggalkan semua termasuk raja Melaka yang amat ditaati serta tanggungjawabnya mempertahankan negara kota daripada serangan Portugis seperti berikut:

‘Maka pada waktu tengah malam senyap orang tidur habis, maka kapitan itu pun menyuruh segala kelasinya memasang meriam itu habis kesemuanya daripada waktu tengah malam hingga naik matahari [...]. Maka orang Melaka pun terkejutlah terlalu huru-hara, beribu-ribu yang mati dan luka kena bedil [...]. **Laksamana duduk berkhalwat di atas bukit Tanjung Jugara itu pun tiadalah tersebut lagi, entah mati entah ghaib, tiadalah siapa-siapa yang mengetahui ia, melainkan Allah Subhanahu wa Taala jua yang mengetahui ia; khabarnya pun tiada kedengaran pada segala makhluk’** (Hikayat Hang Tuah 1997:545-546).

Tambahan pula, tindakan Hang Tuah meninggalkan istana seolah-olah melambangkan putusnya hubungan dengan alam dunia apatah lagi kerelaan merendahkan martabatnya menjadi ketua orang sakai di hutan pada akhir hidupnya seperti yang tercatat dalam *Hikayat Hang Tuah* (1997:548) iaitu, ‘[...] kata orang Tun Tuah ada di pucuk hulu Sungai Perak, ia duduk menjadi raja segala biduandanya orang hutan’. Sehubungan itu, dengan mengaplikasikan perspektif kebahagiaan Islam menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, diharap dapat memberi justifikasi kepada kontradiksi perilaku Hang Tuah pada akhir hayat beliau.

## METODOLOGI KAJIAN

### Perspektif Kebahagiaan Islam Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas

Pelbagai definisi diberikan oleh para intelektual Barat mengenai kebahagiaan yang dikecapi oleh manusia. Diener (1984) misalnya mendefinisikan kebahagiaan atau ‘*subjective well-being*’ (SWB) sebagai keseimbangan di antara kesan positif, negatif dalam diri manusia dengan tahap kepuasan hidup yang tinggi. Barret (2005) berpendapat bahawa terdapat dua jenis ‘kebahagiaan’ dalam kajian emosi manusia iaitu kebahagiaan semasa mengalami keseronokan (*excitement*) yang diperolehi semasa muda dan kebahagiaan yang dikaitkan dengan ketenangan (*peacefulness*) semasa tua. Kebahagiaan (*happiness*) juga didefinisikan oleh Owen (2002:5) sebagai, ‘[...] in the anticipation of the fulfilment of a desire’. Manakala Wike (1994:1) pula mengulas ‘kebahagiaan’ menurut perspektif Kant iaitu:

‘ [...] Kant’s descriptions of happiness (*Glückseligkeit*) [...] (for example well-being, contentment, inclination, pleasure, bliss), there are two fundamentally different ways he consider happiness, On the one hand, Kant treats happiness as a sensible state, that is as a state that involves the satisfaction of inclinations, brings pleasure, and is characterized as well-being. On the other hand, Kant describes happiness as an intelligible state that is as a state that involves moral contentment. He sometimes calls the first ‘physical happiness’ and the second ‘moral happiness’.

Kebahagiaan (*happiness*) menurut Barat lebih berpaksi kepada perspektif Aristotle yang memberi tumpuan kepada aspek *hedonic* dan *eudaimonic* (Delle Fave *et al.*, 2011). *Hedonic* berhubung dengan hedoisme iaitu satu posisi etika yang menyatakan bahawa keseronokan (nafsu) merupakan kebahagiaan teratas dalam kehidupan dan manusia perlu memperolehinya sebanyak mungkin manakala *eudaimonic* adalah kebahagiaan yang berteraskan kepada peningkatan nilai-nilai murni, kemahiran dan fungsi yang positif (Keyes dan Annas 2009). Walau bagaimanapun, Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993) berpendapat bahawa ‘kebahagiaan’ (*happiness*) dalam dunia Barat lebih didominasi oleh fahaman sekularisme yang telah mengheret bersama krisis moral dan politik ke dalamnya. Pada satu tahap, ‘kebahagiaan’ bagi dunia Barat tidak berkaitan dengan nilai-nilai etika. Ini diistilahkan oleh Syed Naquib sebagai ‘*the modern conception of happiness*’ yang menilai ‘kebahagiaan’ sama seperti masyarakat purba (*pagan societies*) (Al-Attas 1993). Hujah al-Attas diperkuatkan oleh pendapat Joshanloo (2012:6) seperti berikut:

*‘Islam holds that Muslim should not pursue hedonistic pleasures as the primary goal of their lives. In fact, positive emotions and pleasure are considered necessary in Islam, but they are regarded as secondary and are placed after the eudaimonistic strivings. Muslims should not choose for themselves the evil pleasures of this world as the goal of their live’.*

Jelas bahawa konsep ‘kebahagiaan’ menurut Barat tidak menitikberatkan aspek ‘spiritual’ dalam hidup manusia sedangkan ia berbeza dengan perspektif Islam yang mengutamakan ‘keseimbangan’ di antara entiti material dan spiritual dalam mengejar kebahagiaan (al-Attas 1993; Amer Al-Roubaie 2010; Al-Seheel 2011; Joshanloo 2012). Budaya Barat mengaitkan agama sebagai salah satu elemen di dalam budaya di mana nilai-nilai agama akan berubah selari dengan modenisasi yang dicapai oleh masyarakat sedangkan budaya dalam Islam diberi permaknaan oleh agama itu sendiri tanpa dipengaruhi oleh unsur lain (Amer Al-Roubaie 2010). Islam mendefinisikan kebahagiaan yang dicari oleh setiap umat Islam adalah kebahagiaan hakiki yang sentiasa berhubungan dengan Pencipta (al-Attas 1993). Kebahagiaan tersebut akan memberi ketenangan minda dan jiwa serta menerbitkan kesejahteraan dalam kehidupan kerana, kebahagiaan yang hakiki bukan diukur berdasarkankekayaan duniawi (material) tetapi oleh kekayaan jiwa (rohani) yang selalu mengingati Allah swt (Al Quran 13:28). Ini bertepatan Islam sebagai ‘*ad-Din*’ iaitu ‘kepatuhan kepada Allah (swt) (*submission to God*) sebagai tanda syukur di atas nikmat yang diterima dari saat awal kejadian manusia sehingga ke akhir hayat di dunia ini (al-Attas 1993).

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993) berpendapat bahawa terdapat dua aspek dalam Islam yang menyumbang kepada kebahagiaan dalam diri manusia iaitu ilmu pengetahuan dan berperwatakan baik (*virtue*). Ini adalah kerana melalui ilmulah manusia berupaya mengenali Penciptanya berpandukan kepada Al-Quran dan hadis. Tambahan pula, mengetahui dan mencintai Pencipta serta memahami

hakikat kejadian manusia sebagai khalifah Allah (swt) akan menerbitkan ketenangan dan kebahagiaan yang dicari-cari. Ilmu dan perwatakan baik menggambarkan elemen spiritual manusia yang disebut dalam Al-Quran sebagai kalbu (qalb), jiwa (nafs), intelek (aql) dan nyawa (ruh). Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993), istilah-istilah ini juga berubah mengikut situasinya iaitu sekiranya ia berkaitan dengan pemahaman (intellection) ia digelar ‘intelek’, apabila ia berkuasa terhadap tubuh badan ia digelar ‘jiwa’ atau (soul), sekiranya berkaitan dengan perasaan (intuitive illumination) ia digelar ‘hati’(heart) dan sekiranya ia kembali kepada entitinya yang abstrak ia dinamakan ‘spirit’ . Surah at-Tin (95:4-5) menerangkan mengenai kejadian manusia sebagai makhluk Allah (swt) yang terindah dan terbaik. Walau bagaimanapun, sekiranya tanpa keimanan dan perbuatan yang mulia, seseorang manusia itu lebih hina martabatnya daripada haiwan. Demikian juga dalam surah al-Baqarah (2:248), al-Taubah (9:26-40), al-Fath (48:4), al-Qiyamah (75:2) , al-Fajr (89:27) serta surah Yusuf (12:53) yang menerangkan mengenai hakikat perjalanan al-nafs manusia menuju kebahagiaan dalam kehidupan. Islam turut membahagikan jiwa (soul) manusia kepada tiga fakulti iaitu ‘jiwa yang tenang’ (al-Nafs al Mutma’innah), jiwa yang mengecam diri sendiri (al-Nafs al-Lawwamah) serta jiwa yang berdosa atau dikuasai oleh syaitan (al-Nafs al-Ammarah bi’l-sū’) (al-Attas 1993) . Sebagaimana menurut Joshanloo (2012:6) iaitu:

*‘One of them is called the ordering, inciting or evil-commanding (al-Nafs Al-Ammarah). This component of the self is described in a negative light in the Quran as it strongly urges us to do evil. This unhealthy state of the self is in conflict with society and is antisocial, destructive and out of balance. The blaming, reproachful or self accusing self (Al-Nafs al-Lawamma) which in the Quranic equivalent of conscience, stands against the evil commanding self. This state of self counteracts the evil self’s destructive power in the human personality. This state if self indicates internal imbalance, anxiety and guilt but is shown in a positive light in Islamic teachings as it can be conducive to balance and peace. The most desirable and balanced state of self is the peaceful, serene and tranquil self (Al-Nafs al-Mutmainna) which is the highest stage of psychospiritual development in Islam’.*

Aspek kedua yang membawa kepada kebahagiaan dalam hidup manusia adalah berpersonaliti baik (al-Attas 1993). Sekiranya setiap perbuatan manusia diarahkan oleh intelek dan agama maka lahirlah ‘perwatakan yang baik’ (nilai murni) yang boleh diperolehi menerusi pembelajaran, latihan atau kadangkala didapati menerusi anugerah Ilahi. Personaliti boleh berubah daripada jahat kepada baik dan sebaliknya dan tujuannya adalah satu untuk menemui kebahagiaan di dunia dan akhirat. Inilah hakikat kebahagiaan abadi yang dituntut kepada setiap umat Islam di mana ianya tidak terhad kepada kebahagiaan di dunia sahaja (al-Attas 1993). Sebagaimana dalam al-Quran surah Al-An'am (6:32) iaitu, “Dan tidak (dinamakan)

kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan; dan demi sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa. Oleh itu, tidakkah kamu mahu berfikir?". Apatah lagi world-view menurut perspektif Islam tidak memisahkan kedua-duanya kerana ganjaran Allah (swt) pada Hari Pembalasan (akhirat) bergantung kepada amalannya selama di dunia (dunia). Secara tidak langsung, setiap manusia akan dihitung dosa dan pahala, kebaikan dan kejahatannya yang meliputi segala amalannya di dunia pada hari akhirat nanti. Ini bermakna pencarian ‘sa’ādah’ (the ultimate happiness) yang harus dimiliki oleh individu Islam perlu menghubungkan dua dimensi kehidupan iaitu kehidupan akhirat (ukhrawiyyah) dan dunia (dunyawiyah) seperti pendapat al-Attas (1993) di bawah:

*'Islam does not concede to the dichotomy of sacred and the profane; the worldview of Islam encompasses both al-dunya and al-akhirah, in which the dunya-aspect must be related in a profound and inseparable way to the akhirah-aspect, and in which the akhirah-aspect has ultimate and final significance'.*

Islam menekankan kehidupan di dunia (*dunya*) bagi seorang Muslim hanyalah bersifat sementara kerana kehidupan di akhiratlah yang kekal sifatnya seperti yang termaktub dalam Al Quran surah *at-Taubah* (9: 38) dan surah *al-A’la* (87:16-17). Ini bukanlah bermakna bahawa manusia perlu mensia-siakan kehidupan di dunia (dunia) dengan hanya mengejar akhirat. Al Quran sendiri telah memberi panduan mengenai erti ‘kebahagiaan’ bagi manusia dalam kedua-dua alam (dunia dan akhirat) melalui pencapaian ‘al-falah’ iaitu kesejahteraan atau kejayaan yang mencerminkan perbuatan baik dan kebenaran yang dilakukan, sebagaimana dalam surah *Al-Mukminun* (23:1) bahawa, ‘Sesungguhnya berjayaalah orang-orang yang beriman’. Sehubungan itu, untuk memperolehi kejayaan, seseorang individu yang beriman perlulah mengenali Khaliqnya.

Rumusannya, Al-Attas (1993:23) berpendapat bahawa wujud tiga tahap kebahagiaan dalam Islam iaitu dua tahap yang pertama (duniawi) dan yang ketiga adalah kebahagiaan ukhrawi sebagai halatuju utama setiap manusia Islam iaitu:

1. ‘Psikologikal’ (bersifat duniawi serta boleh dikategorikan sebagai perasaan dan emosi. Diperolehi apabila kehendak dan keperluan dipenuhi menerusi pengamalan nilai-nilai murni) (Al-Attas 1993:23).
2. ‘Spiritual’ (bersifat kekal, mengalaminya secara sedar, menjadi asas kepada kehidupan duniawi yang sementara, penilaian kepada perlakuan dan aktiviti yang murni yang membawa kepada mengenal ilmu Allah swt) (Al-Attas 1993:23).

Tahap kedua (spiritual) apabila diperolehi berhubungan dengan tahap pertama (psikologikal). Tahap kedua (spiritual) adalah kepuasan tertinggi dalam bentuk

‘ibadah’ dalam menggambarkan kecintaannya kepada Allah swt sebagai persediaan untuk memperolehi tahap ketiga iaitu ‘*Vision of God*’.

*Vision of God*’ adalah kebahagiaan ukhrawi yang membawa kepada ilmu Allah swt.

Sehubungan itu, analisis akan dilakukan terhadap watak wira Hang Tuah dalam *Hikayat Hang Tuah* yang amat sinonim dengan kekuasaan Melayu sehingga diilhamkan satu motto, ‘*Tidak Melayu hilang di Dunia*’ oleh pihak nasionalis yang berfahaman post-kolonial pada abad ke-20 untuk menyatukan Melayu agar tidak hilang dan lebih teguh jati dirinya. Makalah ini hanya akan menggunakan dua tahap kebahagiaan duniawi menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993) iaitu peringkat psikologikal dan spiritual untuk menilai kebahagiaan yang ditemui oleh wira Melayu Hang Tuah seperti pendapat Amer Al-Roubaie (2010:345) bahawa:

*‘Professor al-Attas identifies two levels of happiness, one being psychological; representing a terminal state and the other is spiritual or permanent, representing the knowledge of God. It is only the state of peace and tranquillity of the heart as defined by the knowledge of God that allows man to achieve true happiness’.*

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN MENURUT HIKAYAT HANG TUAH

### 1. Kebahagiaan Psikologikal (Perasaan dan Emosi Manusia)

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993) berpendapat kebahagiaan ‘psikologikal’ bersifat duniawi dan menggambarkan perasaan serta emosi yang diperolehi apabila kehendak dan keperluan dapat dicapai menerusi nilai-nilai yang murni. Bagi masyarakat Melayu tradisional, kebahagiaan bagi diri mereka sebagai rakyat atau ‘hamba raja’ adalah keupayaan untuk berbakti kepada raja atau apa sahaja yang mampu dilakukan dalam memberikan kegembiraan kepada rajanya. Kegembiraan raja menandakan kebahagiaan rakyat. Meneliti wira Hang Tuah dalam karya epik Melayu *Hikayat Hang Tuah* mendapati beberapa episod dalam teks ini, menggambarkan kebahagiaan ‘psikologikal’ yang dialami oleh Hang Tuah menerusi siri-siri kejayaan beliau sebagai pahlawan Melayu yang amat setia kepada rajanya. Kesetiaan yang tidak berbelah bahagi sebagai pahlawan Melayu amat dituntut dalam menjamin hubungan yang utuh di antara raja dan rakyat. Ini amat bertepatan dengan mukadimah dalam *Hikayat Hang Tuah* mengenai kepentingan berbakti kepada raja iaitu, ‘*Ini Hikayat Hang Tuah yang amat setiawan pada tuannya dan terlalu sangat berbuat kebaktian kepada tuannya,*’ (Kassim Ahmad 1997:3). Penyataan ini membuktikan bahawa hanya menerusi kesetiaan kepada pemerintah (raja) sahajalah yang akan memberi kebahagiaan kepada individu Melayu apatah lagi kepada masyarakat tradisional yang amat menjunjung sistem beraja di mana raja di anggap sebagai ‘Khalifah Allah di muka bumi ini’.

Misalnya, digambarkan kebahagiaan emosi dan perasaan wira ini menerusi kejayaannya bersama empat sahabat (Hang Jebat, Hang Lekir, Hang Lekiu) menyelamatkan Bendahara Melaka daripada diserang oleh orang mengamuk (amok) sedangkan semua pegawai pengiring Bendahara habis lari bertempuran menyelamatkan diri. Kejayaan ini telah memberi impak yang besar kepada masa hadapan Hang Tuah dan para sahabatnya kerana inilah titik permulaan mereka sebagai pahlawan Melayu Melaka seperti petikan di bawah:

‘Maka kata Bendahara kepada lima orang itu, “Ya anakku, Duli Yang Dipertuan dua tiga kali bertanyakan khabar orang mengamuk itu. Siapa-siapa yang ada bertahan di hadapan Bendahara dan siapa-siapa yang meninggal Bendahara.Maka tidak itupun tiada berjawab, titah yang Dipertuan itu.Maka oleh Temenggung Sarwa Diraja segala orang yang lari dan orang yang melawanpun semuanya disembahkan ke bawah duli baginda.Mendengar sembah Temenggung demikian, maka baginda tersenyum serta murka.Setelah berhenti daripada itu, maka baginda pun bertitah menanyakan anakku kelima, baginda hendak ambil jadi pegawai lakunya’

(Hikayat Hang Tuah, 1997:40-41)

Kebahagiaan Hang Tuah sebagai hulubalang Melaka semakin terserlah apabila beliau diberi penghormatan mengiringi utusan peminangan sultan ke Majapahit. Di sini, Hang Tuah berjaya mempertingkatkan maruah sultan Melaka menerusi kejayaan beliau mengalahkan pahlawan terbilang Majapahit (Taming Sari) serta memperolehi keris saktinya. Hang Tuah juga berjaya mengiringi rombongan peminangan tersebut sehingga selamat tiba semula ke Melaka.

Hang Tuah merasa gembira apabila beliau berjaya menjinakkan kuda tezi milik Sultan yang tidak mampu dilakukan oleh individu lain. Walaupun, tugas ini amat bahaya untuk dipikul tetapi demi kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada raja, Hang Tuah sanggup melakukannya walau ianya mengancam nyawanya sendiri. Ini adalah kerana kegembiraan raja akan memberi kebahagiaan kepadanya sebagai pahlawan Melaka seperti petikan berikut:

‘Maka titah raja, “Hai segala tuan-tuan dan segala pegawai, siapa dapat naik kuda ini? Naik apalah kuda ini, kita hendak melihat pantasnya”. Maka sembah seorang dmei seorang, “Patik tiada biasa naik kuda tezi ini, bukan mudah-mudahan naik kuda tezi ni,”. Setelah raja mendengar sembah segala pegawai dan petuanan demikian itu, maka raja pun berpaling memandang pada Laksamana. Maka titah raja, “Hai Laksamana, dapatkah diri naik kuda ini?”. Maka sembah Laksamana, “Ampun Tuanku, apatah takutkan naik kuda ini, adakah hulubalang itu tiada tahu naik kuda dan gajah? Apatah gunanya menjadi

hulubalang? [...], maka baginda pun tersenyum seraya bertitah, “Hai Laksamana, segeralah naik kuda ini,kita hendak melihat dia’ (*Hikayat Hang Tuah* 1997:261).

Kebahagiaan Hang Tuah semakin terserlah apabila dapat berbakti sebagai diplomat kerajaan Melaka ke Timur dan Barat. Mulanya beliau dihantar ke Benua Keling memandangkan eratnya hubungan di antara kedua negarakota ini dari segi budaya dan sejarah. Hang Tuah diperlihatkan kejayaan apabila beliau dapat mengalahkan pahlawan Keling yang secara langsung memberi impak kepada kekuatan dan kebesaran Melaka. Kemudian, Hang Tuah dihantar ke China. Kebijaksanaan Hang Tuah menerusi episod memakan sayur kangkung, menyebabkan beliau dapat melihat wajah Maharaja China yang dipandang *taboo* untuk dilihat oleh rakyat China. Episod ini secara tidak langsung menggambarkan kebijaksanaan raja Melaka mengatasi Maharaja China yang besar kuasa jajahannya pada zaman itu. Seterusnya, memberi kebahagiaan kepada raja Melaka sebagai pemerintah berdaulat yang memiliki wira terhebat seperti Hang Tuah. Sekali lagi, Hang Tuah akan merasakan kegembiraan emosi atas kejayaan misi beliau memperkenal dan mengangkat maruah raja Melaka kepada dunia luar.

Wira Hang Tuah juga telah dihantar ke Siam bagi mendapatkan gajah-gajah daripada spesis terbaik untuk di bawa ke Melaka. Beliau juga dihantar ke Selan (Ceylon) bagi mendapatkan batu permata untuk kegunaan puteri kepada Raden Mas Ayu. Seterusnya, Hang Tuah dipilih sebagai diplomat Melaka ke Rom melalui Mesir untuk memperolehi senjata dan kelengkapan perang bagi menyiapkan Melaka menentang Portugis. Inilah episod-episod pengembalaan Hang Tuah yang menggambarkan ketaatannya kepada raja menerusi kejayaan melaksanakan tugas sebagai Laksamana Melayu-Melaka. Secara langsung, mencerminkan kebesaran raja Melaka di mata dunia. Keceriaan raja Melaka melihat kejayaan demi kejayaan diraih oleh Hang Tuah dalam menaikkan nama Melaka turut memberi kepuasan yang ultimatum kepada Hang Tuah. Walau dari segi sejarah, hubungan Siam adalah tidak begitu baik dengan Melaka pada era tersebut tetapi pengarang *Hikayat Hang Tuah* mempunyai hasrat tertentu dalam mengembalikan maruah Melayu seperti petikan di bawah:

*‘The ruler’s munificence is somewhat odd, to say the least, for we know that Melaka and Siam (Ayutthaya) were not on the best of terms at the time: Ayutthaya entertained ambitions of political dominion over Melaka that were thwarted only by the intervention of China (which sided with Melaka thanks to the annual tributes that were paid to the Chinese emperor by successive Melaka sultans). Just how and why Raja Phra Chao would consent to sending forty elephants to Melaka is*

*anyone’s guess, and the Hikayat remains silent on the nature of Melakan-Ayutthaya diplomatic relation then’ (Farish Noor 2009:259)*

## **2. Kebahagiaan Spiritual**

Kebahagiaan spiritual wira Hang Tuah tidak dipaparkan secara jelas dalam *Hikayat Hang Tuah*. Sekadar dinyatakan pengalamannya menunaikan haji di Tanah Suci Mekah dalam perjalannya menuju ke Tanah Rom (Turki) untuk mendapatkan senjata tercanggih bagi memerangi Portugis. Digambarkan kebahagiaan menerusi penyucian jiwa sepanjang Hang Tuah dan Maharaja Setia ke Tanah Suci Mekah. Inilah kebahagiaan spiritual yang dialami oleh Hang Tuah yang ditunjukkan dalam *Hikayat Hang Tuah* menandakan wujudnya hubungan spiritual di antara hamba dengan Penciptanya walau tidak digambarkan dengan jelas emosi kebahagiaan sebagai hamba Allah swt sewaktu Hang Tuah menunaikan ibadatnya di Baitullah sekadar menyatakan beberapa rukun haji yang telah dilakukan olehnya seperti petikan di bawah:

‘Setelah sudah habislah dikerjakannya, lalu turun ke Mina pula melontar batu yang bernama Jamratul Akabah dan Jamratul Wusta dan Jamratul Ula itu. Setelah sudah,lalu mengorban. Maka Laksamana dan Maharaja Setia pun bercukur. Maka habislah rata segala syarat perintah haji dan ziarah dan haji umrah semuanya dikerjakan [...] Setelah keesokan harinya, maka masuklah ke dalam Kaabahtullah sembahyang lalu mencium batu yang bernama Hajarul Aswad. Setelah sudah, maka keluar bersama orang-orang banyak lalu tawaf pula akan tawaf rukun’ (Hikayat Hang Tuah 1997:500).

Pengembalaan Hang Tuah ke Mesir turut memperlihatkan pengembalaan spiritual menerusi ketakjuban beliau dengan ciptaan Allah swt terutamanya kederasan air Sungai Nil seperti petikan ini:

‘Maka kata Laksamana, “Hai jurumudi, belokkan Mendam Berahi menuju tanah Mesir itu, kerana hamba hendak singgah melihat kekayaan Allah Subhana wa Taala barang sehari dua di sini dan hendak minum air Sungai Nil itu, kerana air sungai Mesir itu hulunya mari dalam syurga khabarnya,’ (Hikayat Hang Tuah 1997:501).

Pengembalaan Hang Tuah yang benar-benar menguji dirinya sehingga menyebabkan beliau menyedari apakah kebahagiaan hakiki yang diperlukan dalam hidupnya sebagai seorang Melayu-Islam adalah menerusi episod pengembalaannya ke alam kubur. Raja Melaka terlalu ingin mengetahui kehidupan di alam kubur. Hang Tuah dengan rela hati menerima tugas tersebut tanpa menyedari implikasi

tindakannya itu kepada dirinya. Sesungguhnya, Allah swt itu Amat Pengasih Lagi Penyayang. Tugas yang awalnya sekadar untuk memenuhi tuntutan raja akhirnya memberi impak yang sangat besar kepada Hang Tuah dan rajanya. Kesan daripada pengalaman itu menyebabkan keduanya menemui apakah hakikat sebenar kehidupan di dunia ini serta menemui kebahagiaan hakiki iaitu mengenali Pencipta dan mencintaNya seperti petikan berikut:

‘[...] maka disuruh raja buka tudung keranda itu. Maka dilihat oleh baginda tubuh Laksamana seurat benang pun tiada [...] Maka titah baginda,’ Hai Laksamana, ke mana pergi kain dibungkus pada tubuh Laksamana itu.”. Maka sembah Laksamana, “Daulat Tuanku, adapun tatkala berbunyi kaki oranglah kembali itu kira-kira tujuh langkah, maka datanglah gunung api dua buah terlalu besar dengan hebatnya menyala menyambar-nyambar pada tubuh patik bunga api itu [...] mendengar tatkala Laksamana ditanam itu. Maka baginda pun sangat fikir dan insaf akan dirinya’( Hikayat Hang Tuah 1997:539).

Pengalaman pengembalaan Hang Tuah di alam kubur telah menginsafkan Hang Tuah yang selama ini terlalu leka menjalankan urusan dunia tanpa memandang berat urusan akhiratnya. Bagi Hang Tuah, tiada lagi berguna beliau terus berkhidmat sebagai pahlawan Melaka dengan mengabaikan tanggungjawab sebenar kepada Tuhan. Akhirnya beliau menemui kebahagiaan abadi dengan berkhawlwat di Bukit Jugara dengan mendalami ilmu agama daripada seorang Syeikh dari Gujarat seperti di bawah:

‘Maka tuan syeikh itulah yang bersama-sama dengan Laksamana duduk di Bukit Jugara itu mengerjakan amar Allah siang malam, terlalu keras, tiadalah lagi Laksamana ingatkan pekerjaan dunia, melainkan syuhudnya pada Allah Taala semata-mata’ (Hikayat Hang Tuah 1997:541)

### **Wira Hang Tuah: Keseimbangan Kebahagiaan dalam Islam**

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993) berpendapat kebahagiaan menurut perspektif Islam (*sa'adah*) menghubungkan dua alam iaitu alam dunia (*dunyawiyah*) dan alam akhirat (*ukhrawiyah*). Walau bagaimanapun, kebahagiaan yang ditemui oleh wira Melayu Hang Tuah hanya berpaksikan kepada kesetiaannya sebagai hamba raja, kecemerlangannya menjalankan tanggungjawab sebagai Laksamana Melaka serta keupayaannya mengharumkan nama Melaka ke serata dunia melalui episod pengembalaan dari Timur sehingga ke Barat. Ini bermakna kebahagiaan yang diutamakan oleh Hang Tuah hanyalah kebahagiaan dunia

walau pada akhirnya beliau menemui kebahagiaan hakiki (spiritual) menerusi pengembaraannya ke alam kubur yang telah mengubah keseluruhan hidupnya.

Tidak dinafikan Hang Tuah hidup dalam suasana masyarakat yang menganggap raja sebagai pemerintah berdaulat, Bayangan Tuhan dan Khalifah Allah di muka bumi yang wajar dihormati dan ditaati. Tetapi disebabkan oleh konvensi zaman tradisional yang berpegang kepada konsep daulat, tulah dan derhaka menyebabkan perjuangan Hang Tuah sebagai wira hanya bertumpu kepada perjuangan demi raja dan bangsanya bukan untuk agamanya. Ini bertepatan dengan etika pada zaman tradisional yang memperlihatkan unsur-unsur di bawah:

- (i) Pihak pemerintah atau istana sahaja mempunyai kewibawaan menentukan soal baik buruk (etika adalah sesuatu yang relativistik dan tidak objektif).
- (ii) Nasihat daripada ahli-ahli agama mungkin diminta ataupun tidak, sekalipun mereka hadir dalam lingkungan istana.
- (iii) Tindak-tanduk golongan pemerintah tidak boleh dipersoalkan. Ini berlaku akibat waadat atau perjanjian di antara golongan memerintah (raja) dan diperintah (rakyat).
- (iv) Kehandalan pahlawan atau kekuatan ketenteraan menjadi penentu kepada siapa yang benar dan yang salah kerana seringkali pahlawan-pahlawan terulung melakukan pertarungan simbolik di antara dua kerajaan atau dinasti.
- (v) Rujukan kepada hukum Allah atau garis panduan agama Islam tidak dibuat pada peringkat permulaan sesuatu tindakan atau perlakuan. Kebanyakannya hanya merujuk kepada hukum Allah setelah terlanjur melakukan sesuatu perbuatan. Penyesalan ditandai dengan tindakan turun takhta atau menjadi ahli sufi (M.Khalid Taib 1993:18-19).

Jelas bahawa Hang Tuah hanyalah seorang wira bagi masyarakat tradisional yang mengalami konflik kepudaran jati diri akibat penjajahan Barat. Konvensi tradisional telah mengekang beliau untuk menyeimbangi kebahagiaan (duniawi dan ukhrawi) yang sepatutnya dicari olehnya. Namun ironinya, Hang Tuah yang terkenal dengan kehandalannya sebagai wira Melayu Melaka sehingga ke bumi Rom mengakhiri zaman tuanya sebagai ketua kepada golongan sakai iaitu satu golongan yang sangat dipandang hina dan primitif jauh dari ketamadunan. Kehadiran mereka dalam masyarakat tradisional digambarkan amat rendah martabatnya berbanding rakyat jelata apatah lagi sering ditangkap untuk dijadikan hamba sebagaimana yang tercatat dalam Undang-undang Melayu seperti *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang 99 Perak* (Abu Hassan Sham dan Mariyam Salim 1995). Malahan, W.E.Maxwell turut memperkenalkan *Law Relating to Slavery* dalam menangani masalah perhambaan di Tanah Melayu di mana dinyatakan hamba pada strata terendah adalah daripada golongan masyarakat asli atau sakai (Abu Hassan Sham dan Mariyam Salim 1995; Likosky 2002). Dapatlah dikatakan bahawa pengarang *Hikayat Hang Tuah* seolah-olah ingin menghukum Hang Tuah di atas

kekecewaannya terhadap kejatuhan Melaka ke tangan Portugis dengan meletakkan wira Melayu itu ke tahap terendah dalam strata masyarakat.

## KESIMPULAN

Kebahagiaan bagi Hang Tuah hanya bersifat duniawi disebabkan oleh konvensi zaman yang berpaksikan raja sebagai pemegang kuasa yang mutlak. Perjuangan bangsa mengatasi segala-galanya sehingga kurangnya roh Islam diterapkan dalam perjuangan beliau. Dapatlah disimpulkan bahawa dengan menggunakan perspektif kebahagiaan Islam menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas terhadap episod perjalanan hidup Hang Tuah mendapati wira unggul Melayu ini tidak menemui keseimbangan dalam pencarian kebahagiaan (*sa'adah*) dalam hidupnya. Buktinya beliau lebih banyak menemui kebahagiaan psikologikal berbanding spiritual. Hang Tuah hanya menyedari bahawa kebahagiaan psikologikal yang ditemui selama ini tidak dapat membawa beliau ke arah mengenali dan pencinta Penciptanya. Akhirnya beliau terpaksa melupakan hal-hal *dunya* (dunia) walau pada saat genting yang amat memerlukan kehadiran beliau untuk menyelamatkan Melaka daripada dijajah Portugis pada abad ke-15 Masihi. Akhirnya Hang Tuah menemui kebahagiaan spiritual dengan menyisihkan diri berkhalwat di Bukit Jugara setelah insaf menerusi pengalaman di alam kubur tetapi sayang kebahagiaan tersebut hanya berlaku di akhir perjalanan usianya. Lebih menyedihkan, status wira terulung Melayu ini sekali lagi diragui kebahagiaannya (dunia dan akhirat) apabila pengarang menghukum Hang Tuah (akibat kehancuran Melaka) dengan menjalani hidup sebagai ketua masyarakat sakai yang menduduki skala terbawah dalam strata masyarakat di dalam hutan Perak jauh daripada sebarang pembangunan ilmu dunia dan akhirat.

## BIBLIOGRAFI

*Al-Quran.*

Abu Hassan Sham dan Mariyam Salim. (1995). *Sastera Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1992). *Islam: A Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1993). *Islam and Secularism* (2<sup>nd</sup> Ed.). Kuala Lumpur: ISTAC.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1993). *The Meaning and Experience of Happiness in Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1995). *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Alparslan Acikgenc. (1996). *Islamic Science: Towards a Definition*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Amer Al-Roubaie. (2010). ‘Al-Attas Concept of Happiness: A Reflection on the Contemporary Meaning of Development’. Dlm. Wan Mohd.Nor Wan Daud dan Muhammad Zainiy Uthman (Eds.). *Knowledge, Language, Thought and the Civilization of Islam. Essays in Honor of Syed Muhammad Naquib Al-Attas*. Skudai: UTM.
- Al-Seheel, A. (2011). Gratitude Intervention and Happiness: An Experimental Investigation on IIUM Students. Proceeding 8th *International/Postgraduate Research Colloquium (IPRC)* di Srinakharinwirot University, Bangkok, Thailand, 22-23 September.
- Barret, L.F., Niedenthal, P.M. and Winkielman, P. (Eds.). (2005). *Emotions and Consciousness*. New York: The Guilford Press.
- Belliotti, R.A. (2004). *Happiness is Overrated*. USA: Rowman and Littlefield Publishers, Inc.
- Braginsky, V.I. (1990). Hikayat Hang Tuah: Malay Epic and Muslim Mirror: Some Consideration on its Date, Meaning and Structure, *Bijdragen tot de Taal, Land en Volkenkunde*, Vol. 146 (4):399-412.
- Diener, E. (1984). Subjective Well-Being, *Psychological Bulletin*. Vol. 95:542-575.
- Edmonson, M. (1971). *Lore: An Introduction to the Science of Folklore and Literature*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Farish Noor. (2009). *What Your Teacher Didn’t Tell You*. The Annexe Lectures, Vol.I. Petaling Jaya: Matahari Books.
- Ismail Hamid. (1983). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Ismail Hamid. (1987). *The Malay Islamic Hikayat*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Josselin de Jong. (1965). The Rise and Decline of a National Hero, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. Vol. 38(2):140-155.
- Joshanloo, M. (2012). A Comparison of Western and Islamic Conceptions of Happiness. *Journal of Happiness Studies: An Interdisciplinary Forum on Subjective Well-Being*. Retrieved 27 May 2013, from <http://link.springer.com/article/10.1007/s10902-012-9406-7/fulltext.html>.
- Kassim Ahmad. (1964). *Perwatakan dalam Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad (Ed.). (1997). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keyes, C.L.M. and Annas. J. (2009). Feeling Good and Functioning Well: Distinctive Concepts in Ancient Philosophy and Contemporary Science, *Journal of Positive Psychology*. Vol. 4(3): 197-201.

- Liaw Yock Fang. (1975). *Sejarah Kesusastraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Likosky, M. (Ed.). (2002). *Transnational Legal Processes: Globalization and Power Disparities*. London: Butterworths.
- Luo Lu and Gilmour, R. (2004). ‘Culture and Conceptions of Happiness: Individual Oriented and Social Oriented SWB’. *Journal of Happiness Studies*. Vol. 5:269–291.
- Martin, M.W. (2012). *Happiness and the Good Life*. Oxford: Oxford University Press.
- Milner, A. (2011). *The Malays*. Sussex: Wiley-Blackwell.
- M.Khalid Taib. (1993). Konsep dan Kedudukan Wira dalam Teks Melayu Klasik Terpilih: Satu Tinjauan dari Sudut Etika Sezaman dan Universal. Dlm. *Konsep Wira dalam Sastera Melayu*. Siti Aisah Murad (Ed.), 1-29. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mogilner, C., Sepandar D. K. and Aaker, J. (2011). ‘The Shifting Meaning of Happiness’. *Social Psychological and Personality Science*, Julai Vol. (2):395-402.
- Muhammad Hj.Salleh. (1983). Central Values of the Malay Hero Hang Tuah. *Jurnal Tenggara*. Vol. 17(18):74-97.
- Muhammad Yusoff Hashim. (1992). *Pensejarahan Melayu: Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Owen, S.H. (2002). *Happiness Pursued*. USA: Bonneville Books.
- Parnickel.B. (1976). An Epic Hero and An Epic Traitor in the Hikayat Hang Tuah, *Bijdragen tot de Taal, Land en Volkenkunde*. Vol. 132:403-417.
- Renard, J. (1999). *Islam and the Heroic Images Themes in Literature and the Visual Arts*. Georgia: Mercer University Press.
- Sulastin Sutrisno. (1983). *Hikayat Hang Tuah: Analisa Struktur dan Fungsi*. Jogjakarta: Gajah Mada University Press.
- Shaharuddin Maaruf. (1984). *Concept of A Hero in Malay Society*. Singapore: Eastern Universities Press.
- Teeuw.A. (1965). Tentang Penghargaan dan Penafsiran Hikayat Hang Tuah, *Dewan Bahasa*. Vol. (8):339-354.
- Turner, J.H. and Stets, J.E. (2005). *The Sociology of Emotions*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Wike, V. S. (1994). *Kant on Happiness in Ethics*. Albany: State University of New York Press.